

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 17 TAHUN 2008

**PEMBERIAN *EX-GRATIA* TERBITAN SEKALIGUS
KEPADA IBU ATAU BAPA ANGGOTA BERPENCEN YANG
MENINGGAL DUNIA SEMASA DALAM PERKHIDMATAN TANPA
MENINGGALKAN BALU/DUDA ATAU ANAK**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pemberian *ex-gratia* terbitan sekaligus kepada ibu atau, sekiranya ibu telah meninggal dunia, bapa kepada anggota berpencen sektor awam yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan tanpa meninggalkan balu/duda atau anak.

TAFSIRAN

2. Bagi tujuan Pekeliling Perkhidmatan ini:

“**anak**” bermaksud anak kepada seseorang anggota berpencen yang layak diberi ganjaran terbitan, pencen terbitan atau faedah-faedah lain mengikut undang-undang pencen, sama ada anak kandung, anak angkat, anak tiri atau anak tak sah taraf;

“**anggota**” bermaksud pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri serta pekerja Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan;

“**anggota berpencen**” bermaksud –

- (i) seseorang pegawai yang telah diberi taraf sebagai seorang **pegawai berpencen** di bawah Seksyen 7, Akta Pencen 1980 (Akta 227) atau yang disifatkan sebagai seorang pegawai berpencen di bawah Seksyen 8 Akta 227; atau
- (ii) seseorang pekerja yang telah diberi taraf sebagai **pekerja berpencen** di bawah Seksyen 6, Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) atau yang disifatkan sebagai seorang pekerja berpencen di bawah Seksyen 7 Akta 239; atau
- (iii) pegawai atau pekerja yang memperoleh taraf berpencen atau yang disifatkan bertaraf berpencen di bawah mana-mana undang-undang pencen yang lain.

LATAR BELAKANG

3. Di bawah undang-undang pencen, orang tanggungan kepada anggota berpencen atau yang disifatkan bertaraf berpencen yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan boleh diberi ganjaran terbitan, pencen terbitan atau faedah-faedah lain. Walau bagaimanapun, ibu, atau sekiranya ibu telah meninggal dunia, bapa kepada anggota berpencen yang meninggal dunia dalam perkhidmatan tanpa meninggalkan balu/duda atau anak boleh diberi ganjaran terbitan tetapi tidak layak diberi pencen terbitan.

4. Kerajaan telah bersetuju untuk memberi *ex-gratia* terbitan sekaligus kepada ibu, atau sekiranya ibu telah meninggal dunia, bapa anggota berpencen yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan tanpa meninggalkan balu/duda atau anak. Pemberian ini adalah sebagai **tambahan** kepada ganjaran terbitan **atau** caruman syer Kerajaan/majikan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau mana-mana kumpulan wang simpanan berserta faedah yang terakru.

PELAKSANAAN

5. Ibu, atau sekiranya ibu telah meninggal dunia, bapa yang layak diberi *ex-gratia* terbitan adalah:

- (i) ibu atau bapa yang masih hidup pada 1 Januari 2009 dan telah dibayar ganjaran terbitan; atau
- (ii) ibu atau bapa yang masih hidup pada 1 Januari 2009 dan telah dibayar caruman syer Kerajaan/majikan KWSP atau mana-mana kumpulan wang simpanan berserta faedah yang terakru, yang mana lebih berfaedah baginya berbanding ganjaran terbitan.

6. Jika ibu dan bapa seperti di perenggan 5(i) atau (ii) di atas telah meninggal dunia sebelum pembayaran *ex-gratia* terbitan dibuat, maka pembayarannya boleh dibuat kepada wakil diri di sisi undang-undang gemulah ibu atau bapa itu.

7. Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (selepas ini disebut “Bahagian ini”) bertanggungjawab meluluskan dan membayar *ex-gratia* terbitan. Bagi kes ganjaran terbitan, atau caruman syer Kerajaan/majikan KWSP atau mana-mana kumpulan wang simpanan berserta faedah yang terakru, yang **telah dibayar** sebelum tarikh berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, kelulusan dan pembayaran *ex-gratia* terbitan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Bahagian ini. Bagi kes kematian dalam perkhidmatan yang berlaku **pada atau selepas** tarikh kuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, kelulusan dan pembayaran *ex-gratia* terbitan akan dibuat bersekali dengan urusan kelulusan pembayaran ganjaran terbitan tanpa memerlukan maklumat tambahan daripada Ketua Jabatan.

8. Dalam hal berlaku sebarang pertikaian (*dispute*) terhadap pemberian *ex-gratia* terbitan ini, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam berhak untuk menentukan pihak yang sepatutnya diberi *ex-gratia* terbitan serta kadarnya. Penentuan ini adalah muktamad.

PENGIRAAN *EX-GRATIA* TERBITAN

9. *Ex-gratia* terbitan dikira berdasarkan formula berikut:

$$\text{Ex-gratia terbitan} = \frac{1}{20} \text{ atau } 7.5\% * \times \begin{matrix} \text{tempoh perkhidmatan} \\ \text{secara isyarat} \end{matrix} \times \begin{matrix} \text{gaji akhir pada} \\ \text{tarikh kematian} \end{matrix}$$

TOLAK ganjaran terbitan yang telah dibayar **atau** caruman syer Kerajaan/majikan KWSP atau mana-mana kumpulan wang simpanan semasa perkhidmatan gemulah berserta faedah yang terakru, mana yang berkenaan

* Mengikut faktor ganjaran terbitan yang terpakai bagi gemulah

10. Formula pengiraan adalah berdasarkan:

- (i) **faktor pengiraan** sebagaimana yang diguna pakai bagi pengiraan ganjaran terbitan, iaitu sama ada 1/20 bagi kematian gemulah yang berlaku sebelum 1 Januari 1995 atau 7.5% bagi kematian yang berlaku pada atau selepas tarikh tersebut;
- (ii) **tempoh perkhidmatan** yang diambil kira bagi pengiraan *ex-gratia* terbitan adalah tempoh perkhidmatan sepenuhnya secara isyarat (*notional*) seolah-olah gemulah berkhidmat sehingga mencapai umur persaraan wajib;
- (iii) umur persaraan wajib bagi menetapkan tempoh perkhidmatan sepenuhnya secara isyarat ditentukan melalui tarikh lahir gemulah yang tercatat dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan dan umur persaraan wajib yang terpakai bagi gemulah; dan

- (iv) **gaji yang akhir diterima** bagi pengiraan *ex-gratia* terbitan adalah gaji akhir yang digunakan bagi pengiraan ganjaran terbitan.

Contoh pengiraan *ex-gratia* terbitan ditunjukkan di **Lampiran A**.

11. *Ex-gratia* terbitan diberi juga kepada ibu atau bapa pekerja Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan yang telah memilih Skim Pencen Dan KWSP di bawah Seksyen 6E Akta 239 berhubung dengan pengasingan sistem saraan Pihak Berkuasa berkenaan. Walau bagaimanapun, tempoh yang diambil kira bagi pengiraan *ex-gratia* terbitan adalah **dari tarikh sehari selepas tarikh kematian gemulah pekerja sehingga tarikh sehari sebelum tarikh persaraan wajib yang terpakai baginya**, dan gaji akhir yang digunakan untuk pengiraan *ex-gratia* terbitan adalah **gaji yang akhir diterima sehari sebelum tarikh berkuat kuasanya pengasingan sistem saraan gemulah**, seperti ditunjukkan dalam contoh pengiraan di **Lampiran B**. Pemberian *ex-gratia* terbitan **tidak meliputi** anggota yang telah bersara pilihan di bawah Seksyen 12 Akta 227 atau Seksyen 12 Akta 239 atau pun yang telah bersara setelah dilantik untuk berkhidmat dalam pertubuhan di bawah Seksyen 12A Akta 227 atau Seksyen 13 Akta 239.

12. Ibu atau bapa yang menerima ganjaran terbitan di bawah Seksyen 25 Akta 227 layak diberi *ex-gratia* terbitan atas kadar tiga per empat daripada *ex-gratia* terbitan yang kena dibayar kepada ibu atau bapa seorang pegawai berpencen yang meninggal dunia dalam perkhidmatan. Contoh pengiraan seperti di **Lampiran C**.


PEMAKAIAN

13. Pekeliling Perkhidmatan ini meliputi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri serta pekerja Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan.

TARIKH KUAT KUASA

14. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2009**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

/0 Disember 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

CONTOH 2:

Pengiraan *Ex-Gratia* Terbitan Untuk Ibu Atau Bapa Yang Menerima Caruman Syer Kerajaan/Majikan KWSP Atau Mana-Mana Kumpulan Wang Simpanan Berserta Faedah Yang Terakru Adalah Lebih Berfaedah Berbanding Ganjaran Terbitan

A. Maklumat Peribadi Dan Perkhidmatan Gemulah

1. Jawatan akhir : Pembantu Perubatan
2. Tarikh lahir : 2.1.1982
3. Tarikh lantikan ke perkhidmatan : 1.9.2004
4. Tarikh kematian gemulah : 13.11.2007
5. Umur bersara wajib yang terpakai bagi gemulah : 56 tahun
6. Tarikh gemulah sepatutnya bersara wajib : 2.1.2038
7. Tempoh perkhidmatan secara isyarat (*notional*) : 400 Bulan
8. Gaji akhir diterima : RM 1,759.64 (U29 P1T10 SSM)
9. Amaun caruman syer Kerajaan/majikan KWSP atau mana-mana kumpulan wang simpanan, berserta faedah yang terakru : RM 7,919.84

B. Pengiraan *Ex-Gratia* Terbitan

Tarikh Lantikan	Tarikh Kematian Dalam Perkhidmatan	Tarikh Bersara Wajib Yang Terpakai Bagi Gemulah
 [A]	 [B]	 [C]

Ex-gratia terbitan =

$7.5\% \times (\text{Tempoh [A] hingga sehari sebelum [C]}) \text{ bulan} \times \text{Gaji akhir di [B]}$

TOLAK caruman Kerajaan/majikan KWSP atau mana-mana kumpulan wang simpanan beserta faedah yang terakru bagi tempoh [A] hingga sehari sebelum [B]

Ex-gratia terbitan = RM [7.5% x 400 Bulan x RM 1,759.64] **TOLAK** RM 7,919.84
= **RM 44,869.36**

CONTOH :

Pengiraan *Ex-Gratia* Terbitan Untuk Ibu Atau Bapa Bagi Kes Gemulah Meninggal Dunia Dalam Agensi Yang Telah Diasingkan Sistem Saraannya

A. Maklumat Peribadi Dan Perkhidmatan Gemulah

- | | |
|---|------------------------------|
| 1. Jawatan akhir | : Pembantu Tadbir |
| 2. Tarikh lahir | : 7.5.1949 |
| 3. Tarikh lantikan ke perkhidmatan | : 1.9.1970 |
| 4. Tarikh pengasingan | : 16.12.2002 |
| 5. Tarikh kematian gemulah | : 10.1.2003 |
| 6. Tarikh sehari selepas kematian gemulah | : 11.1.2003 |
| 7. Umur layak diberi faedah persaraan | : 55 tahun |
| 8. Tarikh gemulah sepatutnya bersara wajib | : 7.5.2004 |
| 9. Tempoh sehari selepas kematian gemulah sehingga tarikh sehari sebelum tarikh sepatutnya bersara wajib secara isyarat (<i>notional</i>) | : 15 Bulan |
| 10. Gaji akhir diterima pada tarikh pengasingan | : RM 1667.86 (N17 P1T23 SSM) |

B. Pengiraan *Ex-Gratia* Terbitan

Tarikh Lantikan		Tarikh Pengasingan	Tarikh Kematian Dalam Perkhidmatan	Tarikh Sehari Selepas Kematian Gemulah	Tarikh Bersara Wajib Yang Terpakai Bagi Gemulah
A		B	C	D	E

Ex-gratia terbitan =

7.5% x (Tempoh D hingga sehari sebelum E) bulan x Gaji akhir sehari sebelum pengasingan di B

Ex-gratia terbitan = RM[7.5% x 15 Bulan x RM1667.86]
= **RM 1,876.34**

CONTOH :

Pengiraan *Ex-Gratia* Terbitan Untuk Ibu Atau Bapa Gemulah Yang Menerima Ganjaran Terbitan Di Bawah Seksyen 25 Akta 227

A. Maklumat Peribadi Dan Perkhidmatan Gemulah

- | | |
|---|--------------------------------------|
| 1. Jawatan akhir | : Pegawai Kerani (Sementara) |
| 2. Tarikh lahir | : 12.2.1945 |
| 3. Tarikh lantikan ke perkhidmatan | : 10.1.1970 |
| 4. Tarikh kematian gemulah | : 5.12.1988 |
| 5. Umur bersara wajib yang terpakai bagi gemulah | : 55 tahun |
| 6. Tarikh gemulah sepatutnya bersara wajib | : 12.2.2000 |
| 7. Tempoh perkhidmatan secara isyarat (<i>notional</i>) | : 361 Bulan |
| 8. Gaji akhir diterima | : RM 1,065.00 (C11 JKK PP Bil. 6/88) |
| 9. Ganjaran terbitan yang telah diberi | : RM 9,025.87 |

B. Pengiraan *Ex-Gratia* Terbitan

Tarikh Lantikan	Tarikh Kematian Dalam Perkhidmatan	Tarikh Bersara Wajib Yang Terpakai Bagi Gemulah
-----	-----	-----
[A]	[B]	[C]

Ex-gratia terbitan =

$\frac{3}{4} \times \left[\frac{1}{20} \times (\text{Tempoh [A] hingga sehari sebelum [C]}) \text{ bulan} \times \text{Gaji akhir di [B]} \right]$

TOLAK ganjaran terbitan yang telah dibayar di [B] (yang sama banyaknya dengan tiga perempat ganjaran terbitan yang kena dibayar bagi seseorang pegawai berpenen yang mati dalam perkhidmatan)

Ganjaran terbitan yang telah diberi
 = RM $\left[\frac{3}{4} \times \left(\frac{1}{20} \times 226 \text{ Bulan} \times \text{RM } 1,065.00 \right) \right]$
 = RM 9,025.87

Ex-gratia terbitan
 = RM $\left[\frac{3}{4} \times \left(\frac{1}{20} \times 361 \text{ Bulan} \times \text{RM } 1,065.00 \right) \right]$ **TOLAK** RM9,025.87
 = **RM 5,391.56**